

# Setiap kementerian diminta percepat projek pembangunan

BH - 1/6/2022 m/s: 2

## Kelewatan beri kesan berganda gerakkan ekonomi akar umbi

**Kuala Lumpur:** Setiap kementerian diminta untuk mempercepatkan projek pembangunan kerana ia memberikan kesan berganda khususnya untuk menggerakkan ekonomi akar umbi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata perkara itu dinyatakan pada Mesyuarat Majlis Tindakan Pembangunan Negara yang berlangsung semalam.

“Di bawah Bajet 2022, kerajaan memperuntukkan RM40.5 bilion untuk perbelanjaan pembangunan asas.

“Dalam masa sama, kerajaan memberikan perhatian serius kepada kenaikan harga bahan binaan,” katanya menerusi hantaran di Facebooknya, semalam.

Beliau berkata, intervensi segera juga akan diambil oleh agensi terbabit bagi mengawal kenaikan harga bahan binaan kerana ia memberi kesan kepada projek pembangunan.

Selepas mempengerusikan me-



Ismail Sabri beramah mesra dengan pelajar institusi pengajian tinggi pada majlis sambutan Aidilfitri warga KPT di Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)

syuarat itu, Perdana Menteri menghadiri Majlis Sambutan Aidilfitri beberapa kementerian di Putrajaya dan di sini.

Antaranya, Majlis Sambutan Aidilfitri bersama warga Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang turut disertai Menteri Kanan Pertahanan, Datuk Seri Hishamuddin Hussein dan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri

Dr Noraini Ahmad.

Ismail Sabri juga menghadiri Majlis Sambutan Aidilfitri Kementerian Belia dan Sukan di Axiata Arena, Bukit Jalil, selain sambutan hari raya Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) yang turut dihadiri Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

Dalam satu lagi hantaran Facebook, Perdana Menteri merakamkan ucapan Selamat Menyambut Hari Gawai yang disambut hari ini kepada Keluarga Malaysia kaum Dayak di Sarawak.

Ismail Sabri percaya perayaan Hari Gawai tahun ini diraikan meriah setelah dua tahun negara dikekang oleh COVID-19.

“Semoga semangat persauda-

raan, persahabatan dan perpaduan selama ini menjadi budaya dan amalan hidup kita memantapkan lagi semangat Keluarga Malaysia. *Gayu Guru Gerai Nya-mai,*” menurut hantaran itu.

Hari Gawai tanda bermula musim baharu penanaman padi yang membawa nafas baharu kepada masyarakat Sarawak.

BERNAMA